

LANGGIE PINGADAP DULU DAN KINI: KAJIAN KES DI KAMPUNG RAYANG, SERIAN, SARAWAK

LANGGIE PINGADAP THEN AND NOW: STUDY CASE NEAR KAMPUNG RAYANG, SERIAN, SARAWAK

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan dalam usaha untuk melihat perbandingan tarian Langgie Pingadap dulu dan kini terutamanya di kawasan kajian iaitu di Kampung Rayang, Serian, Sarawak. Pemilihan lokasi kajian adalah disebabkan kawasan berkenaan menjadi penempatan sebahagian besar suku kaum Bidayuh yang mana Langgie Pingadap ini merupakan warisan suku kaum berkenaan. Oleh itu, perbandingan tarian ini akan dilihat dalam konteks pakaian, aksesori dan penggunaan warna selain fungsi mengapa tarian ini dipersembahkan. Untuk memastikan kajian ini mencapai objektif, penulis telah memilih teori yang bersesuaian dengan kajian. Penulis juga menggunakan pendekatan etnografi dengan melibatkan beberapa kaedah kajian iaitu melibatkan temubual bersama beberapa orang responden yang mempunyai pengetahuan berkenaan tarian Langgie Pingadap termasuklah orang yang terlibat secara langsung dalam tarian ini.

Kata Kunci: Langgie Pingadap, Bidayuh, Tarian, Tradisional, Pemeliharaan

ABSTRACT

This study is focus on the comparison in Langgie Pingadap dance then and now at Kampung Rayang, Serian, Sarawak. The purpose of selected location is most of Bidayuh people who knows about Langgie Pingadap stay there and Langgie Pingadap also belong to this community. Furthermore, this research are focusing on comparison between clothing, accessories, the selection of colour and also the function of this dance. To make sure this research reach goal, the researchers using the suitable theories for this research. The researchers also using ethnography method with some approaches such as interview with some expertices in Langgie Pingadap including with respondence who involves in this dance.

Keywords: *Langgie Pingadap, Bidayuh, dance, traditional, preservation*

PENGENALAN

Tarian Langgie Pingadap ini kerap dikaitkan dengan padi. Hal ini kerana kehidupan orang Bidayuh yang terlalu erat dengan padi telah menjadikan tarian ini mesti berkait rapat dengan budaya padi. Lebih jelas lagi, masyarakat Bidayuh pada zaman dahulu tidak mempunyai apa-apa selain hasil tanaman padi. Maka, mereka menggunakan hasil tanaman padi untuk menjamu para tetamu selain menjadi bekalan makanan seharian mereka. Pada kebiasaannya,